LAMPIRAN A

MPKj.JKP/PKUB/3/2022(9)
17 Mac 2023

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**
**MENARA MPKj**
**JALAN CEMPAKA PUTIH**
**OFF JALAN SEMENYIH**
**43000 KAJANG**
**SELANGOR DARUL EHSAN**

# KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK),** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

| No. Tender | Tajuk Projek | Pendaftaran dan Taraf | Gred, Kategori Dan Pengkhususan | Harga Dokumen (RM) | Tarikh Dokumen Dijual |
|---|---|---|---|---|---|
| MPKj T1/2023 | Cadangan Meroboh Gerai Dan Medan Selera Sediada Dan Membina Medan Niaga Komuniti 1 Tingkat, Di Atas Lot 30004 Dan 30005, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Kajang | CIDB G5 | B04 & CE21 | RM300.00 | 21 Mac 2023 Hingga 11 April 2023 |

**TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK**

**Petender adalah DIWAJIBKAN untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti ketetapan berikut:**

**Tarikh : 21 Mac 2023 (Selasa)**
**Waktu Pendaftaran : 8.30 Pagi – 9.30 Pagi**
**Waktu Taklimat : 9.30 Pagi**
**Tempat : Mini Teater, Tingkat 6,**
**Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,**
**Off Jalan Semenyih,**
**43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

*** Hanya Pemilik/ Penama Sahaja Diwajibkan untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. Sila bawa bersama Sijil Asal Pendaftaran.**

*** Petender hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Petender dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti memastikan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.**

**DOKUMEN MEJA TAWARAN**

Petender boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di http://www.mpkj.gov.my/ms.

**Petender terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang http://tender.selangor.gov.my dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.**

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

**Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup tender. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.**

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **21 MAC 2023 HINGGA 11 APRIL 2023**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

**TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 11 APRIL 2023 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua**
**Majlis Perbandaran Kajang**
**(Peti Sebut Harga/ Tender)**
**Tingkat 6A**
**Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan**
**Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih**
**Off Jalan Semenyih**
**43000 Kajang**
**Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran dan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal lima (5) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.